

17 APR 2001

Saksi-Undang-undang/I

MAJLIS PEGUAM: TIDAK PERLU GUBAL UNDANG-UNDANG BARU LINDUNGI SAKSI

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Majlis Peguam berpendapat tidak perlu untuk menggubal undang-undang baru untuk melindungi saksi kejadian jenayah kerana peruntukan undang-undang yang ada sudah mencukupi kepada saksi.

Presiden Majlis Mah Weng Kwai berkata Seksyen 5 "Abduction and Criminal Intimidation of Witnesses Act 1947 (Revised 1977)" memberi perlindungan yang cukup kepada saksi yang menyaksikan kejadian jenayah.

Akta itu menyebut bahawa barang siapa melakukan ugutan jenayah dengan tujuan untuk menghalang pelaksanaan keadilan atau menyebabkan pelaksanaan keadilan terhalang boleh dihukum penjara yang boleh dilanjutkan hingga 10 tahun dan denda, kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Mah mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menggubal undang-undang untuk melindungi saksi kejadian jenayah.

Dr Mahathir berkata perlindungan itu perlu kerana ada beberapa kes yang saksi-saksi penting diugut akan menerima akibat buruk jika mereka memberi keterangan di mahkamah.

Mah berkata perlindungan kepada saksi juga mencukupi mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang menyebut barang siapa melakukan kesalahan menakutkan secara jenayah hendaklah dihukum dengan penjara bagi tempoh yang boleh dilanjutkan hingga dua tahun, atau denda, atau kedua-duanya.

Beliau berkata remedi kepada masalah ini bukan terletak pada penggubalan undang-undang tetapi pada pihak polis yang menjalankan siasatan secara teliti dan memastikan mereka yang bertanggungjawab didakwa di mahkamah.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Kebangsaan DAP Karpal Singh menyambut baik langkah itu sambil berkata penggubalan Akta itu merupakan langkah yang wajar.

Beliau berkata Akta itu juga harus meliputi perlindungan kepada semua saksi dan tidak cuma kepada saksi yang menyaksikan jenayah itu dan bahawa perlindungan juga harus diberi bagi memastikan mereka memberi keterangan di mahkamah tanpa berasa takut atau menyebelahi mana-mana pihak.

-- BERNAMA

MS AKT FAZ